



KENYATAAN MEDIA

15 OGOS 2018/ RABU

KENYATAAN MEDIA OLEH YB SIVARASA RASIAH TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Merujuk kepada ulasan Presiden Jaringan Orang Asli Semalaysia (JOAS), Yusri Ahon dalam laporan berita *Free Malaysia Today* bertarikh 14 Ogos 2018 bertajuk "Sayangnya, Sivarasa timbalan menteri sahaja, kata NGO Orang Asa" yang ditulis oleh Nur Hasliza Mohd Salleh, saya ingin menjelaskan bahawa Menteri Pembangunan Luar Bandar YB Rina Mohd Harun dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) amat prihatin terhadap isu pewartaan tanah adat dan hak masyarakat Orang Asli di Gua Musang.

Untuk penjelasan lanjut, pada waktu rombongan Orang Asli tersebut di Putrajaya, YB Rina Mohd Harun telah meluangkan masa untuk berjumpa sendiri dengan ahli rombongan berkenaan daripada Suku Kaum Temiar di Bangunan Perdana Putra, di Putrajaya semasa perjumpaan dengan YAB Perdana Menteri. Gambar-gambar pertemuan berkenaan telah dimuat naik dalam facebook beliau. Pautan Facebook disertakan di sini untuk rujukan:

https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=740643809622103&id=679529849066833

Perbincangan secara berterusan antara saya bersama Menteri Pembangunan Luar Bandar YB Rina Mohd Harun, bersama-sama pegawai kanan Kementerian sering diadakan bagi mencari penyelesaian dan pendekatan terbaik dalam menangani isu ini. Malah isu ini juga selalu dibincangkan dalam Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kami amat mengambil berat terhadap isu pewartaan tanah adat dan hak masyarakat Orang Asli di Gua Musang dan akan bersama-sama meneliti cara penyelesaian terbaik.

-TAMAT-

Sivarasa Rasiah
Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar